

TV satelit luar negara

Sesetengah orang dapat menonton program TV luar negara menggunakan piring satelit. Penerimaan perkhidmatan ini kadangkala berlaku secara kebetulan - bukannya disokong oleh pengaturan pengurusan spektrum ACMA.

Di Australia, TV jenis ini selalu mengalami masalah penerimaan dan tidak terlindung daripada gangguan. Anda mungkin akan mengalami gangguan yang tidak boleh dibetulkan.

Punca gangguan pada kelengkapan TV satelit luar negara

Kelengkapan TV satelit yang digunakan untuk menonton program luar negara boleh dipengaruhi oleh isyarat lain daripada perkhidmatan berlesen yang beroperasi berdekatan. Isyarat ini mungkin datang daripada menara telefon bimbit, Internet jalur lebar bergerak, atau isyarat lain pada jalur frekuensi bersebelahan.

Cara untuk mendapatkan bantuan

ACMA tidak menyediakan perkhidmatan diagnostik atau penyiasatan untuk TV satelit luar negara yang tidak berlesen.

Hubungi pemasang antena atau juruteknik piring satelit yang profesional jika anda ada persoalan tentang gangguan pada perkhidmatan TV satelit anda. Mereka boleh menyiasat punca gangguan tersebut dan mencari kaedah untuk memperbaiki penerimaan anda.

Masalah ini mungkin tidak dapat diselesaikan dan anda akan terus mengalami gangguan pada TV satelit luar negara. Pertimbangkan perkara ini sebelum anda membeli dan memasang piring satelit atau memanggil juruteknik untuk menyelesaikan isu ini.

Cara alternatif untuk mengakses saluran TV satelit yang terjejas

Anda boleh terus menonton saluran dan program TV satelit luar negara yang terjejas melalui frekuensi alternatif, Internet atau pembekal perkhidmatan penstriman. Pembekal perkhidmatan TV satelit anda atau pentadbir saluran TV satelit yang terjejas mungkin dapat menasihati anda tentang pilihan alternatif. Anda perlu menghubungi mereka untuk mendapatkan maklumat lanjut.